



## SOALAN-SOALAN LAZIM KEMUDAHAN BANTUAN BENCANA

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah Kemudahan Bantuan Bencana?	<p>Kemudahan Bantuan Bencana adalah kemudahan pembiayaan khas diberikan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas akibat bencana banjir, bagi tujuan :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembaikan dan/atau penggantian aset untuk kegunaan perniagaan (cth. mesin) yang telah rosak akibat bencana alam; dan/ atau</li> <li>2. Modal kerja.</li> </ol>
2	Berapakah had jumlah pembiayaan di bawah program ini?	<p>Had jumlah pembiayaan diberikan mengikut kategori seperti dibawah :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sehingga RM500,000.00 bagi setiap PKS; dan</li> <li>2. Sehingga RM75,000.00 bagi setiap perusahaan mikro.</li> </ol>
3	Berapakah kadar keuntungan pembiayaan di bawah program ini?	Kadar keuntungan efektif maksimum pembiayaan adalah sehingga 3.50% setahun, termasuk fi jaminan.
4	Berapakah tempoh maksimum di bawah program ini?	Sehingga 5 tahun, termasuk tempoh moratorium selama 6 bulan ke atas bayaran bulanan.
5	Bilakah tarikh akhir permohonan bagi Kemudahan Bantuan Bencana?	Tarikh akhir permohonan adalah pada 31 Julai 2021.
6	Bagaimanakah cara untuk memohon di bawah program ini?	<p>Permohonan untuk Kemudahan Bantuan Bencana boleh dibuat menerusi saluran komunikasi rasmi kami iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476; atau</li> <li>2. Mengunjungi cawangan yang berdekatan.</li> </ol>
7	Apakah bantuan-bantuan lain yang ditawarkan sekiranya saya terjejas dengan bencana banjir?	<p>Selain daripada Kemudahan Bantuan Bencana ini, kami juga menawarkan Bantuan Moratorium Banjir seperti :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penangguhan sementara bayaran ansuran bulanan untuk tempoh sehingga enam (6) bulan (Moratorium); atau</li> <li>2. Penjadualan dan penstrukturan semula bayaran pembiayaan.</li> </ol> <p><b>Nota : Terpakai bagi pelanggan sediaada Bank sahaja</b></p>
8	Apakah syarat kelayakan Kemudahan Bantuan Bencana ?	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PKS atau perusahaan mikro yang terjejas berikutan bencana banjir;</li> <li>2. Lokasi perniagaan di kawasan yang berlakunya banjir dan termasuk dalam senarai kawasan yang terkesan sepertimana yang diisytiharkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara/Negeri dan Majlis Keselamatan Negara Malaysia.</li> </ol>

26 Februari 2021

